

Suspek kes buang bayi direman lanjut tiga hari

SIBU: Suspek lelaki dalam kes pembuangan bayi di Jalan Tong Sang baru-baru ini, diperintah ditahan reman lanjut selama tiga hari lagi oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam bagi membantu siasatan pihak polis.

Perintah dikeluarkan oleh Majistret Romario Jonoi terhadap suspek berusia 44 tahun itu setelah perintah tahanan reman selama enam hari bermula 30 Oktober lepas, tamat semalam.

Berdasarkan laporan sebelum ini, suspek utama kes buang bayi itu ditahan pada 29 Oktober susulan penemuan bayi lelaki di dalam bekas penyimpanan ikan berhampiran tempat pembuangan sampah sekitar jam 8.30 pagi.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkilli Suhaili ketika dihubungi pemberita baru-baru ini memberitahu, suspek akan didakwa atas kesalahan merogol di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Kes katanya, juga akan disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi tersebut.



REMAN LANJUT: Suspek (kiri) dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Sibu semalam bagi membantu siasatan membabitkan kes pembuangan bayi di Jalan Tong Sang.